

Syor Mahathir untuk elakkan pengaruh derma

Kutip dari tiap ahli \$10 setahun

UM 13 MAY 1977

TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengesyorkan lebih baik jika semua ahli-ahli UMNO menderma \$10 setahun kepada parti supaya menjauhkan pengaruh-pengaruh yang mungkin timbul jika derma dikutip dari luar.

Katanya, UMNO dengan keahlian sebanyak 400,000 orang akan dapat mengutip \$4 juta setahun atau \$20 juta dalam masa lima tahun untuk digunakan di masa pilihanraya dan sebagainya.

Beliau percaya mereka sanggup membayar derma itu sebab mereka telah merasai sedikit sebanyak nikmat hasil dari perjuangan UMNO seperti pelajaran dan lain-lain perkhidmatan dan kemudahan.

Dr. Mahathir yang sekarang berada di Sabah, telah membuat syor tersebut di Rancangan 30 minit TV yang telah dirakamkan terlebih dahulu yang disiarkan malam tadi.

Beliau berpendapat bahawa badan-badan luar seperti syarikat dan lain-lain tidak membuat sesuatu derma dengan tidak memikirkan hasil atau pulangan.

Katanya: "Lebih baik jika kita tidak memberi peluang kepada sesiapa untuk mempengaruhi kita kalau derma datang dari kita sendiri."

Dr. Mahathir menegaskan bahawa tidaklah semestinya jika derma datang dari luar, bermakna 'Mereka boleh mempengaruhi kita.'

KUALA LUMPUR 12 MEI

Mengenai ahli-ahli parti yang mencari kepentingan sendiri dari parti Dr. Mahathir berkata, ahli-ahli mempunyai kebebasan dan parti tidak menyekat mereka dari mendapatkan keuntungan melalui usaha-usaha halal.

Mereka tidak dikehendaki memberi keterangan harta mereka dan keluarga mereka setiap tahun sebab mereka bukan ahli kerajaan dan tambah lagi langkah itu saja tidak akan menyelesaikan masalah ahli-ahli mencari kepentingan diri sendiri melalui parti.

Dr. Mahathir berkata bahawa tidak mudah menentukan siapa yang telah mencari kepentingan diri sendiri melalui parti tetapi amaran mestilah diberi dahulu sebelum tindakan diambil supaya mereka yang terlibat dapat membetulkan diri sendiri.

Menyentuh tentang Akta Penyelarasan Perindustrian, Dr. Mahathir berkata ianya dibentuk dengan harapan membantu bumiputera dalam perniagaan.

Pindaan telah dibuat untuk menjamin supaya usaha-usaha itu tidak terjejas dan juga tidak menghalang perniagaan-perniagaan baru.

Menjawab soalan-soalan mengenai perkara-perkara kecil yang diperjuangkan oleh setengah-setengah pihak, Dr. Mahathir berkata ada yang tidak patut diutamakan.

Katanya lagi perhatian yang ditumpukan kepada perkara-perkara seperti itu lebih baik ditumpukan kepada perkara yang lebih besar seperti ancaman komunis dan dadah.

Kegagalan

Mengenai Freemason, Dr. Mahathir berkata tidak ada siapa yang boleh memberi bukti kepadanya bahawa badan itu telah menyebabkan kegagalan orang Melayu dalam semua bidang.

Beliau tidak dapat mengatakan sama ada perkara itu 'benar' atau dipengaruhi oleh Zionist. Nilai mestilah dibuat dahulu sebelum sesuatu langkah diambil.

Menjawab soalan tentang pemulihan Dato' Harun Haji Idris, Dr. Mahathir berkata perkara yang dituntut oleh beberapa golongan itu adalah tertakluk kepada beberapa soal lain tentang cara pemulihan itu.

Beliau bertanya, 'apakah ia diizinkan oleh keadaan, undang-undang negara, credibility dan lain-lain lagi.'

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran juga menjawab beberapa soalan tentang disiplin di kalangan murid-murid dan guru dan juga bahasa pengantar.

Beliau berkata bilangan murid-murid dan guru telah bertambah dengan pesat dan pengawalan kanak-kanak di rumah tidak seperti dahulu.

Beliau tidak percaya bahawa akta universiti-universiti mengkongkong 'daya kreatif' para pelajar universiti.

Mengenai bahasa pengantar Dr. Mahathir berkata bahasa utama dan rasmi ialah Bahasa Malaysia tetapi bahasa Inggeris masih penting sebagai bahasa perhubungan di bidang antarabangsa.